

Pakar: JustGO berpotensi percepat aliran trafik

Kuala Lumpur: Pelaksanaan aplikasi pembayaran digital JustGo berpotensi meningkatkan kelancaran aliran trafik di lebuh raya serta mengurangkan risiko kemalangan di kawasan plaza tol, sekiranya sistem itu dilaksanakan secara cekap dan stabil.

Pengerusi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Prof Dr Wong Shaw Voon, berkata JustGo menyediakan pilihan pembayaran tol sedia ada seperti Touch 'n Go, SmartTAG dan RFID menerusi penggunaan teknologi pengecaman nombor pendaftaran kenderaan.

Beliau berkata, pendekatan itu juga selari dengan hasrat negara ke arah pelaksanaan sistem tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF), yang membolehkan pengguna melalui lebuh raya tanpa perlu berhenti di plaza tol.

“Sistem seumpama ini sudah lama digunakan di beberapa negara seperti Singapura dan Australia. Kenderaan dikesan menggunakan pembaca elektronik sebelum bayaran ditolak secara automatik.

“Dengan MLFF, pengguna hanya perlu memandu seperti biasa tanpa memperlakan atau memberhentikan kenderaan di plaza tol, sekali gus membantu melancarkan aliran trafik dan mengurangkan kese-



sakan,” katanya.

Mengulas aspek keselamatan jalan raya, beliau berkata pengurangan keperluan untuk berhenti atau menukar lorong secara mengejut di kawasan plaza tol mampu mengurangkan risiko konflik antara kenderaan.

Katanya, keadaan di plaza tol ketika ini memerlukan kenderaan bergerak daripada beberapa lorong kepada lebih banyak lorong pembayaran sebelum bergabung semula, sekali gus me-

ingkatkan risiko pelanggaran terutama ketika trafik padat.

“Apabila pemandu tidak lagi perlu memperlakan kenderaan atau berhenti untuk membuat pembayaran, aliran trafik lebih lancar. Malah, risiko pertukaran lorong secara mendadak juga dapat dikurangkan, terutama apabila membabitkan kenderaan berat seperti lori,” katanya.

Bagaimanapun, Shaw Voon mengingatkan manfaat teknologi itu hanya dapat direalisasikan se-

kiranya pelaksanaannya benar-benar berkesan.

Katanya, pengalaman pelaksanaan RFID menunjukkan teknologi yang baik tidak semestinya memberikan hasil optimum jika aspek operasi dan penyelenggaraan tidak diberi perhatian.

Beliau turut berpandangan pembangunan teknologi seperti JustGo dan MLFF perlu disertai sistem sokongan yang mantap, mekanisme penyelesaian pertikaian yang cekap serta penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas pengguna.

“Jika berlaku pertikaian, sistem sokongan perlu mampu mengesannya dengan cepat supaya pengguna tidak menanggung kerugian atau kesulitan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata penggunaan pembayaran digital bukan sahaja memudahkan urusan pengguna, malah meningkatkan aspek keselamatan perjalanan.

Beliau berkata, transaksi tanpa tunai mengurangkan risiko keselamatan yang sering dikaitkan dengan penggunaan wang tunai, selain mempercepatkan proses pembayaran terutama ketika waktu puncak.

Katanya, sistem pembayaran digital juga membolehkan pe-

ngendali memperoleh data perjalanan secara masa nyata bagi membantu mengurus kapasiti pengguna, mengenal pasti lokasi sesak dan merancang operasi dengan lebih berkesan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan manfaat itu bergantung kepada tahap kebolehpercayaan sistem serta perlindungan daripada gangguan teknikal dan ancaman keselamatan siber.

“Bagi meningkatkan keyakinan pengguna, aspek keselamatan digital juga perlu diberi perhatian. Pengguna disarankan menggunakan kata laluan yang kukuh, mengaktifkan pengesahan dua faktor (2FA), mengemas kini aplikasi secara berkala serta berwaspada terhadap cubaan penipuan.

Dalam usaha meningkatkan keyakinan orang ramai, beliau berkata pendidikan pengguna tidak seharusnya hanya tertumpu kepada cara menggunakan sistem, sebaliknya turut merangkumi aspek keselamatan digital.

“Dengan penggunaan yang betul oleh pengguna dan penambahbaikan berterusan oleh penyedia sistem, JustGo bukan sahaja mempercepatkan pembayaran tol, malah membantu meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kesesakan dan mewujudkan perjalanan yang lebih selamat serta efisien,” katanya.